



## 10 DUTA EU LAWAT UniMAP

Oleh : Mohd Basri Basir

Bagi mencipta kelainan dalam mendalami kesenian hadrah, Unit UniMAP menerima kunjungan 10 duta besar negara ahli Kesatuan Eropah (EU) di Malaysia sempena Lawatan Kerja tiga hari mereka di Perlis.

Program lawatan Deligasi yang diketuai Duta EU ke Malaysia, Maria Castillo Fernandez itu turut diadakan dua syarahan umum yang disampaikan oleh beliau sendiri bertajuk Bilateral Relations, manakala Duta Poland Krzysztof Debnicki, menyampaikan syarahan bertajuk Foreign Policy of Poland In The Light of Historic Prospect.

Sepanjang lawatan ke UniMAP, Deligasi tersebut di bawa melawat sekitar kampus UniMAP Pauh Putra

Selain UniMAP, deligasi itu juga turut menyempurnakan syarahan umum di pelbagai Institusi Pengajian Tinggi serta sekolah-sekolah menengah terpilih di Perlis bagi memperkenalkan negara mereka, berkongsi maklumat mengenai hubungan dua hala dengan Malaysia serta pengalaman amalan baik sistem pendidikan negara masing-masing.

Selain itu, duta-duta EU juga berkesempatan mengikuti Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail yang juga Canselor UniMAP dan Raja Puan Muda, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Pro Canselor UniMAP menelusuri Sungai Perlis dari Jeti Kg Tok Kuning hingga ke muara Kuala Perlis dan balik yang berpotensi diketengahkan sebagai produk pelancongan baru di negeri ini

